



IMBASAN SEJARAH

JABATAN PERANCANGAN
BANDAR & DESA
(1921 - 1996)



PROFIL & SUMBANGAN KETUA-KETUA PENGARAH



keluaran khas sempena
Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 1996

Pendahuluan

Kepimpinan Jabatan Perancangan Bandar memainkan peranan yang penting dalam mencorak bentuk perkhidmatan perancangan bandar vis-a-vis perkembangan sosio-ekonomi penduduk dari era pemerintahan Kerajaan British hinggalah selepas kemerdekaan Tanah Melayu.

Kelahiran Jabatan pada tahun 1921 sesungguhnya menampilkan Ketua-ketua Jabatan yang berhemat tinggi, berkaliber dan berdedikasi – bermula dari zaman pembukaan dan perjuangan Charles Reade (Government Town Planner yang pertama), ke era kesinambungan R.P. Davies, ke kepimpinan peralihan Concannon, seterusnya kemunculan Dato' Mohd Rosli Buyong anak Melayu yang pertama selepas Merdeka, disusuli dengan Encik Chung Weng Foo, Dato' Mohamed Ishak hinggalah ke era keledakan teknologi maklumat dalam ambien 90'an di bawah kepimpinan Dato' Profesor Zainuddin Muhammad... yang begitu mencabar kepada perkhidmatan perancangan bandar.

Buku ini mengenang kembali sumbangan Ketua-ketua Jabatan di samping mengimbas kembali peristiwa-peristiwa bersejarah dalam perkembangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa untuk pengetahuan umum.

Kamalruddin Shamsudin

Pengarah JPBD

Negeri Terengganu

2 November 1996

Sebelum pewujudan Jabatan Perancangan Bandar...

Town Planning powers of a limited character have been in operation within the Federated Malay States since 1917 under an Act based partly on Cingalese and partly English legislation. Under this Act the local authorities (known as Sanitary Boards) had inaugurated various schemes for town improvements ...Town Planning Committees had also been formed in several States.

(Charles C. Reade, 1921)

Prior to the passing of the Town Planning Enactment, 1923, Sanitary Boards in the Federated Malay States had only limited control over development by private persons. Neither had they any real control over urban developmental works by the separate departments of the State and Federal Governments, such as railways, roads, drainange, water supply, schools, housing etc. They had no power to control the site planning of private or public lands. Both the "Collector" under The Land Enactment 1911 and the "Registrar" under The Registration of Titles Enactment 1911 exercised certain prescribed duties in these matters, but their powers to control the planning or use of land were negligible.

(The Malay Weekly Mail, 6 May 1926)

Detik permulaan...

Pada 3 September 1920 Kerajaan Australia Selatan telah menerima satu kabel dari Kerajaan British di Tanah Melayu memohon supaya "Government Town Planner", Charles Reade, datang ke Tanah Melayu untuk memberi nasihat tentang perancangan bandar (Veale, 1976).

...dengan itu bermulalah perkhidmatan perancangan bandar dengan pembukaan pejabat di bangunan Sekretariat, Kuala Lumpur pada 18 Januari 1921...

1. CHARLES COMPTON READE (1921 - 1929)



Charles Compton Reade telah dilahirkan di New Zealand pada tahun 1880. Pada peringkat awalnya beliau bekerja sebagai seorang wartawan di London pada 1906. Beliau telah menerbitkan sebuah buku berkaitan masalah perumahan dan perancangan bandar berjudul "The Revelation of Britain - A Book for Colonials" (1909). Kerjaya serta penglibatan beliau secara langsung dalam bidang perancangan bandar dapat dijelaskan sebagaimana berikut (Veale, 1967, Tragenza, 1986, Garnaut, 1995):


- 1912 - Kerja dan latihan di "Garden Cities and Town Planning Association"
 - meningkatkan bilangan "lantern slide"
 - memberi ceramah di bandar-bandar utama di Britain.
- 1914 - Ke Australia dan New Zealand memberi ceramah tentang perancangan "Garden City" dan "Modern Town Planning Principles". Sebanyak 150 siri ceramah telah diberi.
- 1915 - Penasihat kepada Kerajaan South Australia.
- 1916 - Deraf Perundangan Perancangan Bandar disediakan, gagal di Parlimen.
- 1917 - Persidangan Perancangan Bandar yang pertama di Australia dianjurkan.
- 1918 - Persidangan Perancangan Bandar yang kedua di Brisbane dianjurkan.
- 1918 - Kenaikan taraf dari penasihat kepada jawatan "Government Town Planner".
- 1919 - Deraf Perundangan Perancangan Bandar kedua - lulus dengan pindaan.
- 1920 - Berlepas ke Tanah Melayu di atas tawaran sebagai Penasihat Perancang Bandar kepada Kerajaan British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

"The introduction of the terrace house and residential flat has begun in Malaya. The greater number of tenement or terrace houses permitted in residential areas, the more rapid and decisive is the process by which cheap housing (in detached groups or units) is defeated by this more intense and congested form of living...The adoption in town planning schemes, of the garden city practice of scientifically grouping and limiting the number of houses to the acre, is the chief means of prevention in new areas, and insures, in the end, large savings in State or national expenditure in favour of healthier and more contented people. There appears to be no sound reason against the adaptation of garden city group housing methods to cheap housing areas in tropical countries like British Malaya. It is mainly a question of education and practical demonstration that these methods repay owners and public, whilst overcrowded shophouses, shacks and temporary housing remain a continuous source of trouble and difficulty"

(Reade, Second Town Planning Exhibition, 1927).

Di antara sumbangan C.C. Reade semasa di Tanah Melayu ialah :

- i. Menubuh Jabatan Perancang Bandar pada 18 Januari 1921.
- ii. Mewujudkan Advisory Town Planning Committee di Selangor.
- iii. Menggubal Enakmen Perancang Bandar Tahun 1923 (perundangan perancang bandar yang pertama di Tanah Melayu).
- iv. Melaksanakan Konsep Perancangan berlandaskan konsep berikut:
 - General Town Plan;
 - Town Planning schemes (kaedah-kaedah "Land Redistribution and exchanges" yang hampir serupa dengan teknik Lex Adickes yang digunakan di Jerman pada tahun 1902).
- v. Mengadakan Pameran Perancang Bandar yang pertama di Kuala Lumpur pada tahun 1926.
- vi. Mengadakan Pameran Perancang Bandar yang kedua di Ipoh pada tahun 1927.
- vii. Merancang sekim-sekim perancang bandar terutamanya di Kuala Lumpur, Ipoh dan Seremban di samping lain-lain bandar di Selangor, Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan dan Sabah.
- viii. Membuka Pejabat Cawangan Perancang Bandar di Ipoh pada tahun 1925.



Pelan susunatur di Jalan Conley dan Jalan Stoner (Kuala Lumpur) yang disediakan oleh Reade (1923)

sumber peta - Arkib Negara

2. RICHARD PRITCHARD DAVIS (1928 - 1949)

 P. Davis dilahirkan di London pada 6 Mac 1888. Mendapat pendidikan dalam bidang perancangan dan senibina dari King's College, London, dan London University.

"The duties of the Town Planner include giving advice on all town planning matters including advice on the alienation of land, the preparation of town planning schemes and layouts, the scrutinizing of landowner's schemes, the checking of building plans so far as they relate to siting, type and appearance, and the preparation of plans for requisitions for survey, in all Town Board and Municipal areas in the Malayan Union" (Davies, 1948).

"Zoning protects property and health. If you have built a comfortable residence in a charming neighbourhood and if your town has proper zoning regulations, no one can erect a shop next door to you. Neither is any one at liberty to erect there a noisy, bad smelling public garage to keep you awake at night or drive you to sell out for half of what you put into your house"

(Davies, The Malay Mail, 27 September 1933).

- 1941 : Jabatan terpaksa ditutup buat sementara akibat meletusnya peperangan Pasifik.
- 1942 : Jabatan dibuka semula di bawah "New Order" oleh pihak pemerintah Jepun. Pentadbiran jabatan dikendalikan oleh pentadbir Jepun sementara Encik A. Manuelpillai, (dipinjamkan dari Jabatan Ukur) dilantik untuk memangku jawatan Pegawai Perancang Kerajaan. Jabatan sekali lagi ditutup pada 1 Oktober 1943.
- 1944 : Jabatan dibuka sebagai sebahagian pejabat "Public Works", berpejabat di Maxwell Hill. Pentadbiran jabatan dikendalikan oleh Jurutera Eksekutif, PWD Daerah Kuala Lumpur dan seterusnya oleh Pengarah Ukur.
- 1948 : Aktiviti jabatan diperluaskan merangkumi kawasan-kawasan Lembaga Bandaran (Town Board) dan Majlis Perbandaran (Municipal) di dalam Malayan Union. Jawatan Pegawai Perancang dikenali sebagai Pegawai Perancang Malayan Union. Di bawah Perjanjian Persekutuan 1948, Jabatan Perancang Bandar Persekutuan dikekalkan sebagai satu badan penasihat dalam aspek perancangan bandar.
- 1949 : R. P. Davies bersara.

Antara sumbangan R. P. Davis ialah :

- i. Pada tahun 1928 sebagai "Town Planning Superintendent" Selangor
- ii. Pada tahun 1933 menjadi Pegawai Perancang Bandar untuk Perak, Selangor dan Negeri Sembilan dengan gaji bulanan sebanyak RM 975 sebulan apabila berlaku "retrenchment" akibat ekonomi yang lembab ketika itu
- iii. Menjalankan dasar-dasar dan sekim perancang bandar yang diasaskan oleh Reade di samping sekim-sekim baru
- iv. Dengan bantuan A. Manuelpillai Ketua Juruteknik memperbaiki pelan-pelan yang rosak atau pelan-pelan yang hilang akibat dari Perang Dunia Ke 2.

3. T. H. H. HANCOCK (1949 - 1950)



T. H. H. Hancock dilahirkan pada 9 November 1913 di Essex. Mendapat pendidikan di Parmiter's School dan University College, London. Beliau telah menjadi "Special Liaison Planner" dari tahun 1939 - 1945 di Cawangan Rekabentuk, Air Ministry Directorate-General of Works; Airfield Expansion Programmes; Aerial Reconnaissances of sites; Reports, Surveys and Plans;

Bomber Command Conferences. Seterusnya beliau dilantik menjadi "Liaison Planner" di Ministry of Town and Country Planning mulai tahun 1945 hingga 1946. Hancock telah tiba di Malaya pada 23.3.1947 dan dilantik sebagai "Acting Town Planner" bagi Persekutuan Tanah Melayu pada 1.8.1947.

"The true purpose of planning does not lie in the imposition of restraints and restrictions - necessary incidentals as some of them may be. That purpose is to afford greater and wider opportunities for securing the right location of human activities and for locating within towns and villages an environment more appropriate than any which could possibly result from haphazard development and to foster new and better surroundings for neighbourliness, family and community life" (Hancock, 1950)

Antara sumbangan beliau adalah :

- i. Meneruskan sekim perancangan bandar dengan melibatkan "redistribution by negotiations";
- ii. Menyiapkan beberapa deraf perancangan bandar dan kampung;
- iii. Menyediakan "Draft Advisory Development Plans" bagi Kuala Lumpur dan 3 pusat negeri;
- iv. Penyediaan pelan-pelan kawasan tambahan industri di Kuala Lumpur, Ipoh dan Taiping, termasuk perumahan untuk pekerja-pekerja;
- v. Susunatur kawasan-kawasan penempatan setinggan telah disediakan.

Bilangan Jawatan Tahun 1949

- Acting Town Planner
- Assistant Town Planner
- 3 Technical Assistant
- 2 Technical Cadets
- 7 Junior Technical Assistants
- 1 Unqualified Technical Assistant
- 1 Technical Apprentice
- 4 Clerks, General Clerical Service (FMS) Timescale
- 2 Clerks, State Clerical Service, Higher Division Timescale
- 3 Peon

4. T.A.L. CONCANNON (1950 - 1960)



T.A.L. Concannon telah dilahirkan di London pada 3 Februari 1906. Mendapat pendidikan di Italia Conti's School, St. Martin School of Art dan Politeknik London dalam Kajian Senibina. Kerjayanya bermula sebagai Arkitek Awam bagi pihak H.M.O.C.S di Palestine dari tahun 1928-38, Nigeria 1938-41, Hong Kong 1941-46, Palestine 1946-48. Kemudian beliau menjadi Jururancang Bandar di North Borneo dari tahun 1948-50 dan seterusnya di Malaya pada tahun 1950 (Who's Who, Malaysia, 1956).

"The training of Malaysians for specialist jobs filled in the past by expatriates has not been forgotten. Already the post of Planning Officer of the Kuala Lumpur Municipality is held by a local officer, who was sent to England for training by the Council and qualified in 1956" (Concannon, 1959).

Antara sumbangan beliau ialah:

- i. Memulakan perancangan Sekim Perkampungan FELDA pada tahun 1956;
- ii. Merancang Bandar Baru Petaling Jaya (1952-1953) dan kawasan industri;
- iii. Merancang mengatasi masalah setinggan;
- iv. Menerbitkan buku-buku kecil atau risalah tentang perancangan bandar, antaranya:
 - Building A City within A City;
 - Kuala Lumpur - Present & Future;
 - Progress of Town & Country Planning in Malaya;
 - New Towns For Old;
 - The Role of Local Authorities In Town Planning;
 - Petaling Jaya Malaysia's Second New Town;
 - Planning In The Commonwealth: Town Planning In Malaya.

1955-1956 : Jabatan Perancangan Bandar beroperasi melalui penubuhan pejabat-pejabat wilayah, iaitu Pejabat Wilayah Selatan di Johor Bahru. Pejabat Wilayah Utara-Tengah di Ipoh dan Pejabat Wilayah Utara di Fort Cornwallis.

1957 : Selepas kemerdekaan, perkhidmatan dijalankan berdasar kepada dua peringkat iaitu Persekutuan dan Negeri di bawah Senarai Bersama Perlembagaan Persekutuan, bertujuan mempercepatkan dan melicinkan pembangunan negara dengan lebih teratur, di mana tugas pengawalan pembangunan disalurkan ke peringkat negeri, manakala pembentukan dasar dan polisi di peringkat persekutuan (Ibu Pejabat).



Model of the first Felda Village in the Bilut Valley (Pahang).

*photo:
courtesy of Straits Times Press Ltd.*

*Petaling Jaya - 1958
(formerly a rubber estate)*



*photo:
courtesy of K.L. Flying Club.*



- 1958 : JPBD Negeri Johor ditubuhkan. JPBD Negeri Selangor ditubuhkan (juga memberi perkhidmatan kepada Negeri-Negeri Melaka dan Negeri Sembilan).
- 1959 : JPBD Negeri Pulau Pinang telah ditubuh (juga memberi perkhidmatan kepada Negeri Kedah dan Perlis). JPBD Negeri Pahang telah ditubuh.

5. WALTER FAIRBANKS (1960 - 1965)



Fairbanks telah dilahirkan pada 18 Jun 1921 di Nelson, Lancs. Pendidikan formal di Sekolah Grammar Nelson, London, dan dibidang perancangan bandar di School of Planning and Regional Research, London. Kerjayanya bermula sebagai Area Planning Officer di Durham County Council dari tahun 1947-1950. Pada tahun 1951 beliau telah dilantik sebagai Pegawai Perancang di "Singapore Improvement Trust" dan pada 1952 sebagai Assistant Town Planner di Persekutuan Tanah Melayu.

(Who's Who Malaysia, 1963)

- 1960 : Walter Fairbanks dilantik sebagai Pesuruhjaya Jabatan Perancang Bandar dan Kampung Persekutuan. Beliau menyandang jawatan tersebut sehingga tahun 1965. Salah satu penerbitan beliau ialah "The Siting of Petrol Filling/Service Stations" (Fairbank, 1961).
- 1960 : JPBD Negeri Sembilan ditubuhkan (juga memberikan perkhidmatan kepada Negeri Melaka).
- 1963 : JPBD Negeri Kelantan ditubuhkan (juga memberikan perkhidmatan kepada Negeri Terengganu).
- 1965 : JPBD Negeri Kedah ditubuhkan (juga memberikan perkhidmatan kepada Negeri Perlis).

6. FRANK WATKINSON (1965-1969)



- 1965 : Frank Watkinson dilantik menyandang jawatan Pesuruhjaya Jabatan Perancang Bandar dan Kampung sehingga tahun 1969.
- 1969 : Pejabat JPBD Negeri Terengganu ditempatkan di Kuala Terengganu.

7. Y.BHG. DATO' HJ. MOHD ROSLI B. HJ. BUYONG (1969-1985)



Allahyarham Dato' Hj. Mohd. Rosli bin Hj. Buyong merupakan warga negara Tanah Melayu yang pertama dilantik menjawat jawatan Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Kampung. Kerjayanya bermula sebagai Draftsman pada 1.1.1952 dengan gaji permulaan RM 60.00 sebulan. Secara ringkas karier beliau adalah seperti berikut (Norimah Md. Dali, Jernal JPBD, 1984):

- 1.1.1953 Town Planning Assistant (TPA).
- 3.10.1957 Dianugerah Biasiswa Kerajaan Persekutuan untuk melanjutkan pelajaran selama 2 tahun mengikuti Kursus Perancangan Bandar di University Durham, United Kingdom.
- 20.10.1959 Acting Graduate Asst. Commissioner of Town & Country Planning.
- 15.6.1960 State Planning Officer Selangor.
- 19.7.1966 Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Kampung, Tingkatan Tertinggi "H".
- 1.7.1969 Memangku Pesuruhjaya Perancang bandar dan Kampung, Tingkatan Tertinggi "F".
- 1.1.1970 Ketua Pengarah, Tingkatan Tertinggi "D".

"Recreational planning in Malaysia is still at its infancy stage. In the design and development of major towns in the past, there were lack of provision for the establishment of open spaces and parks. Development of land either by government or private is solely based on the monetary returns that a piece of land can bring. Intangible benefits produced by most recreational projects such as the provision of playgrounds and parks have not been accepted as a criteria of economic utilization of land. So if such a state of affair is to (sic) changed, there is (a) need to have fundamental changes in the basic concepts of recreation upheld by authorities vested with the power to utilize land" (Mohd. Rosli Buyong, 1979).

Antara sumbangan beliau ialah :

- i. Unit Landskap ditubuhkan di Ibu Pejabat (1981);
- ii. Akta Perancangan Bandar dan Desa Tahun 1976 telah diterima pakai. Ini melibatkan penyediaan Rancangan Struktur bagi semua Pihakberkuasa Perancang Tempatan;
- iii. Unit Perancangan Bandar-Bandar Baru ditubuhkan bertempat di Kuantan pada tahun 1974 yang memberi perkhidmatan kepada Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan seterusnya penubuhan Unit di Jengka, KESEDAR dan KETENGAH;
- iv. Program Pengumpulan Semula Orang Asli Kawasan Titiwangsa yang melibatkan 25 sekim (di Banjaran Titiwangsa) telah dirancang oleh Jabatan;
- v. Piawaian Perancangan bandar telah dibukukan;
- vi. Minat ke arah perlaksanaan landskap telah ditunjukkan oleh Jabatan dalam perancangan bandar.

8. CHUNG WENG FOO (1985 - 1986)



Encik Chung Weng Foo mengambil alih tugas sebagai Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia pada 1985 selama setahun. Beliau dilahirkan pada 4 Julai 1931 di Menglembu, Perak. Mendapat pendidikan perancangan bandar Post Graduate Diploma Town and Country Planning (Durham) dan pengahlian Fellow of the Royal Town Planning Institute dan Fellow of the Malaysian Institute of Planners.

Encik Chung mula berkhidmat di Jabatan Kerja Raya Seremban pada 4 Jun 1956 sebagai Pembantu Teknik setelah memperolehi Diploma Rekabentuk Bangunan dari Technical College, Kuala Lumpur. Pada tahun 1957 beliau telah ditawarkan biasiswa Kerajaan Persekutuan untuk menjalani kursus Perancangan Bandar dan Desa di King's College, Durham University (Newcastle). Setelah tamat pengajian dalam tahun 1959, beliau dilantik sebagai Penolong Pesuruhjaya, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Ibu Pejabat. Seterusnya sebagai Pegawai Perancang bagi Negeri Selangor pada tahun 1959 dan Pegawai Perancang Pulau Pinang/Kedah/Perlis pada tahun 1960. Pada tahun 1969 beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Penolong Pesuruhjaya Kanan di Ibu Pejabat.

Pada 1 Julai 1973, Encik Chung dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah I dan beliau memegang jawatan ini sehingga 26 Mac 1985 apabila beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Encik Chung telah bersara pada 4 Julai 1986.

"Many new rural settlements have been built throughout the country since independence by agencies such as Felda, the Regional Development Authorities as well as other agencies, which have profoundly changed our geography. In the development of these new rural settlements the Federal Department of Town and Country Planning has played an enormous and critical role but little of this contribution is known or acknowledged explicitly. Thousands upon thousands of rural settlers, on their way to their shiny new plantations every morning, walk down streets that were first conceived in the minds of planners of this Department, and yet probably none would have imagined that their admiration of their surroundings and satisfaction with their environment had long been envisioned by a planner in an obscure upper room in this Department"

(Chung Weng Foo, Jernal JPBD, 1983).

Di antara sumbangan beliau ialah:

- i. Beliau meneruskan penyediaan kajian-kajian Rancangan Struktur di negara dan telah membenteng kertas dalam beberapa persidangan tentang Rancangan Struktur;
- ii. Meluaskan perkhidmatan perancangan ke Kampung Tradisi, Pusat Pertumbuhan Desa dan melaksanakan pendekatan baru perancangan dan pembangunan Kampung-kampung Baru;
- iii. Merangka penubuhan pejabat cawangan bagi Kajian-kajian Rancangan Struktur, Rancangan-rancangan Tempatan dan Rancangan Pembangunan Daerah dan Desa dan sebagainya;
- iv. Menggerakkan semula penyediaan draf Akta Perancang Bandar.

9. Y.BHG. DATO' (DR) MOHAMED ISHAK BIN HJ. MOHD ARIFF (1986 - 1993)



Y. Bhg. Dato' (Dr.) Mohamed Ishak bin Haji Mohd. Ariff telah memegang jawatan Ketua Pengarah jabatan dari 1986 sehingga tahun 1993. Beliau dilahirkan di Pulau Pinang pada 23 Februari 1936. Antara kelulusan akademik beliau ialah:

- i. Certificate Town and Country Planning (Durham)
- ii. Adv. Dip. Town and Country Planning (Newcastle-upon-Tyne)
- iii. Adv. Dip. Landscape Design (Newcastle-upon-Tyne)

Karier beliau secara ringkas adalah seperti berikut:

- | | |
|-----------|--|
| 1.2.1958 | Town Planning Assistant |
| 1.8.1965 | Penolong Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Kampong |
| 1.9.1965 | Pegawai Perancang Bandar dan Kampong, Negeri Pulau Pinang |
| 1.1.1977 | Pengarah Perancang Bandar dan Kampong, Negeri Pulau Pinang |
| 1.5.1977 | Pengarah Perancang Bandar dan Kampong Negeri Selangor |
| 1.12.1984 | Timbalan Ketua Pengarah |
| 4.7.1986 | Ketua Pengarah |
| 23.2.1991 | Bersara |
| 23.3.1991 | Perlantikan secara kontrak selama 2 tahun |
| 23.3.1993 | Penamatan kontrak |

"Mohamed Ishak also proposed that a National Physical Planning Council be set up, adding that on his department's part he would continue to impress on the Government on the need to establish a national framework for orderly development of human settlement. He noted that with the rapid rate of urban development in the Klang Valley, Penang and Johore Baru, there was a need to have metropolitan regional planning institutions to properly plan and manage such urban growth. Mohamed Ishak proposed the government set up research and development centres on planning and housing, which included studies in physical planning and building materials"

(New Straits Times, 15 September 1992).

- 1987 : Pejabat-pejabat cawangan telah dibuka di Alor Setar, di Kuala Lumpur, di Melaka dan di Kuantan. Cawangan-cawangan ini mengendalikan penyediaan Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan, Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa, Rancangan Pembangunan Daerah serta pelan-pelan perancangan lain.
- 1990 : Bahagian Penyelarasan dan Pengawasan Taman-Taman Awam telah ditubuhkan di Ibu Pejabat untuk menasihatkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri mengenai pelaksanaan dan penyelenggaraan taman-taman awam.

10. Y.BHG. DATO' PROFESOR ZAINUDDIN BIN MUHAMMAD (1993 hingga sekarang)



Y. Bhg. Dato' Profesor Zainuddin bin Muhammad dilahirkan pada 30 Disember 1944 di Kelantan. Beliau berkelulusan Master in Regional and Community Planning, 1980 (Kansas State University), Certificate in Urban Management, 1933 (Harvard Graduate School), Diploma Housing, Planning and Building, 1974 (BIE, Rotterdam), Diploma Town and Regional Planning, 1969 (Melbourne University), Diploma Town and Country Planning, 1967 (Technical College, Kuala Lumpur)

Pengalaman kerja secara imbas:

1967 Kadet Teknikal

1970 Penolong Pegawai Perancang City of Camberwell, Australia

1970 Penolong Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Kampong, Jabatan Perancangan Bandar dan Kampong

1971 Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Kampong Negeri Kelantan

1981 Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Kampong Negeri Johore

1985 Timbalan Ketua Pengarah

1993 Ketua pengarah

Y. Bhg. Dato' telah memantapkan lagi organisasi dan fungsi JPBD dengan memperkenalkan Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat berteraskan tiga jenis hubungan yang seimbang iaitu hubungan manusia dengan pencipta, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekeliling. Doktrin ini telah diterima pakai dalam perancangan Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya.

1994/1995 : Penyiapan Pelan Induk Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Persekutuan (Putrajaya). Mewujudkan Buku Garis Panduan Landskap Negara yang pertama bagi Malaysia.

1995 : Akta Perancang Bandar 1995 (Akta 538) telah diluluskan oleh Parlimen untuk memantapkan profesion Perancang Bandar supaya memainkan peranan yang lebih aktif dan bertanggung jawab. Akta ini berkuatkuasa pada 1 Januari 1996.

1995 : Parlimen telah meluluskan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 (Akta A933) dengan penekanan kepada pengurusan alam sekitar dalam perancangan, seperti pemuliharaan pokok, pemuliharaan topografi semulajadi, pemuliharaan bangunan bernilai sejarah dan keperluan Laporan Cadangan Pemajuan.

Di atas sumbangan beliau, Y. Bhg. Dato' telah dianugerahkan "adjunct Professor" dari Universiti Teknologi Malaysia pada 1996, "Planner of the Year" dari Pertubuhan Perancang Malaysia pada 1995 dan "Paul Harris Fellow" oleh Rotary Club International pada 1995.

- 1996 : Jabatan Landskap Negara telah ditubuhkan pada 1 Januari 1996 dan dilancarkan secara rasmi pada 15 Ogos 1996. Sempena dengan penubuhan tersebut sebuah buku bertajuk Garis Panduan Landskap Negara telah dilancarkan.
- 1996 : Jabatan menyambut Jubli Intan perkhidmatan perancangan bandar dan desa sepanjang tahun.

Penghargaan

Kronologi perkembangan Jabatan telah dipetik dan diubahsuai dari nota Sejarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Ibu Pejabat JPBD). Maklumat dan profil serta sumbangan adalah dari pelbagai sumber, antaranya dari:

Ibu Pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Arkib Negara
Perpustakaan Negara
Buku Jubli Perak Australian Town Planning Institute 1967

Sumbangan juga telah diperolehi dari orang perseorangan sama ada dari segi maklumat mahupun pembetulan teks asal (semasa SJI Negeri Terengganu) :

Tn. Hj. Abd. Mutallib Jelani	Ibu Pejabat JPBD
Tn. Hj. Ismail Ngah	Jab. Landskap Negara
En. Ismail Ibrahim	Ibu Pejabat JPBD
Pn. Rozaimi Zainuddin	Jabatan Perdana Menteri
Pn. Jamariah Isam	Ibu Pejabat JPBD
Cik Lim Swee Chin	Ibu Pejabat JPBD
Cik Nahariah	Ibu Pejabat JPBD
Pn. Nakhirah	Ibu Pejabat JPBD
Pn. Norisah Rahim	Ibu Pejabat JPBD
En. Hassan Yaakob	JPBD Negeri Pahang
Pn. Nurzaidah	Ibu Pejabat JPBD
Cik Rohana	Ibu Pejabat JPBD
En. Nawi Pa' Tik	JPBD Negeri Terengganu

Kuala Terengganu
2 November 1996

**KETUA-KETUA PENGARAH
JABATAN PERANCANGAN BANDAR & DESA
(1921 - 1996)**



- | | | |
|--------------------|---|---|
| 1921 - 1929 | - | Charles Compton Reade |
| 1928 - 1949 | - | Richard Pritchard Davis |
| 1949 - 1950 | - | T. H. H. Hancock |
| 1950 - 1960 | - | T. A. L. Concannon |
| 1960 - 1965 | - | Walter Fairbanks |
| 1965 - 1969 | - | Frank Watkinson |
| 1969 - 1985 | - | Dato' Haji Mohd Rosli Bin Haji Buyong |
| 1985 - 1986 | - | Chung Weng Foo |
| 1986 - 1993 | - | Dato' (Dr.) Mohamed Ishak Bin Haji Mohd Ariff |
| 1993 -
Sekarang | - | Dato' Profesor Zainuddin Bin Muhammad |

